

63

NO. SOALAN: 33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN
JUSOH**

TARIKH : 8 NOVEMBER 2017 (RABU)

SOALAN :

Tuan Che Mohamad Zulkifly Bin Jusoh [Setiu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan punca masalah prejudis agama serta tindakan tegas yang diambil oleh Kerajaan terhadap individu yang dengan sengaja membuat kenyataan berbaur negatif dan menyimpang daripada dasar Islam yang sebenar sehingga menghina kesucian agama Islam.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Punca utama masalah prejudis terhadap agama ialah kerana salah faham terhadap ajaran Islam yang sebenar. Serta kekurangan pengetahuan terhadap ajaran Islam yang murni dari sumber asal iaitu berlandaskan al-Quran, Hadis, ijmak Ulama dan qias yang menjadi sumber ajaran dan

hukum-hakam dalam Islam. Pada masa yang sama mereka berminat untuk memberikan pandangan terhadap perkara yang berkaitan Islam yang menyebabkan pandangan dan ulasan yang dibuat boleh ditafsirkan menghina agama Islam.

Dari aspek penguatkuasaan, sebagaimana yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa perkara berkaitan agama Islam termasuk penguatkuasaan kes-kes jenayah syariah seperti menghina Islam adalah dalam bidangkuasa kerajaan negeri. Ini selaras dengan ketetapan butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.

Walaupun begitu, pihak Kerajaan memandang serius permasalahan ini dengan menyelaraskan tindakan penguatkuasaan melalui Bahagian Penyelarasan Undang-Undang dan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) terhadap kes seumpama ini melalui peruntukan yang sedia ada bersama Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri.

Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) sentiasa membuat pemantauan terhadap perlakuan individu atau kumpulan yang boleh tafsirkan sebagai menghina Islam. Di samping itu Jabatan Agama Islam juga bekerjasama Polis Di-Raja Malaysia (PDRM) bagi mendapatkan maklumat tambahan berkaitan kes. Maklumat yang diperolehi akan dipanjangkan kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri atau menjadi asas kepada tindakan penguatkuasaan undang-undang bagi pesalah yang terlibat.

Tindakan pencegahan dan penguatkuasaan dilaksanakan dari masa ke semasa berasaskan maklumat awam atau dari hasil risikan yang dibuat. Tindakan penguatkuasaan akan dilakukan oleh Bahagian Penguatkuasa Agama Negeri-Negeri dan dengan kolaborasi semua pihak termasuk PDRM, pihak berkuasa tempatan dan sebagainya. Dalam kes tertentu pula JAKIM dan JAIN bekerjasama dengan pihak PDRM bagi mengambil tindakan Akta Hasutan 1948 atau Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA).

Manakala bagi kes menghina Islam yang tersebar media sosial dan yang menjadi viral dalam internet pula, JAKIM atau JAIN bertindak mengemukakan aduan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia terhadap mana-mana laman sesawang, *facebook* atau *whatsapp* yang di dapati ada unsur menghina Islam, di bawah peruntukan seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia (1998) bagi tujuan menyekat kegiatan yang berbau perbuatan menghina Islam serta mendakwa mereka yang terlibat dalam kesalahan berkaitan.

Sekian, terima kasih.